

07/08/2002

Singapura bimbang aliran politik ganas di Malaysia

Ahmad Ghazali Musa

SINGAPURA, Selasa - Kerajaan Singapura menyatakan kebimbangan aliran politik ganas dan provokatif selain penyalahgunaan agama oleh parti pembangkang di Malaysia kebelakangan ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kebimbangan itu dinyatakan Timbalan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong dalam pertemuan di sini hari ini.

"Kita memberikan penjelasan berhubung tindakan kerajaan membendung politik ganas dan provokatif serta penyalahgunaan agama oleh Pas kerana pemimpin Singapura menyatakan rasa bimbang berhubung perkara itu.

"Saya beritahu kerajaan sudah ambil beberapa tindakan berkesan bagi membendung politik kasar parti pembangkang itu.

"Bagaimanapun, Hsien Loong menyatakan keyakinannya kerajaan berupaya membendung taktik kotor dan amalan politik berasaskan keganasan dan kekasaran," katanya kepada pemberita selepas pertemuan di sini, hari ini.

Pada pertemuan kira-kira 45 minit dengan Timbalan Perdana Menteri Singapura itu, kedua-dua pemimpin membincangkan peralihan kuasa di Malaysia, ekonomi dan kerjasama yang dapat diperkukuh antara kedua-dua negara.

Muhyiddin yang juga Naib Presiden Umno dalam rangka lawatan kerja dua hari ke republik itu yang bermula semalam.

Pada masa sama, beliau memberitahu Hsien Loong bahawa peralihan pucuk pimpinan di Malaysia dilaksana secara licin tanpa sebarang gangguan.

"Saya beritahu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah memberi penjelasan berhubung peralihan kuasa itu dan rakyat menghormatinya.

"Kita percaya pemimpin Singapura itu juga sudah sedia maklum bahawa peralihan kuasa itu mengikut sejarahnya tidak pernah menimbulkan masalah besar dan dapat dilaksanakan secara licin," katanya yang menyifatkan lawatan kerja ke Singapura itu sebagai berjaya.

Pada Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini, Dr Mahathir mengejutkan rakyat apabila membuat keputusan bersara selepas 21 tahun menerajui negara.

Beliau menamakan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti selepas proses peralihan kuasa selama 15 bulan.

Muhyiddin percaya pemimpin Singapura itu memahami proses peralihan yang akan berlaku dan turut mengharapka ia akan dilaksana secara licin.